

dengan teknik menjawab soalan menggunakan komputer yang menyebabkan respon mereka telah tidak terekod.

Oleh yang demikian, bilangan sekolah yang digugurkan kerana bilangan respon murid yang kurang dan ditambah dengan sekolah sampel asal yang perlu diganti telah menyebabkan kadar respon sekolah sampel asal tidak menepati standard yang ditetapkan, dan telah menyebabkan Malaysia tidak disenaraikan dengan negara peserta PISA yang lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) juga sedang membuat penambahbaikan bagi mengurangkan risiko isu penggunaan komputer yang dialami oleh negara peserta PISA; antaranya dalam prosedur murid menjawab soalan ujian bagi mengelak respon tidak terekod, dalam prosedur penghantaran dan penerimaan item ujian serta respon peserta antara negara peserta dengan pihak kontraktor OECD, serta dalam prosedur pengekodan jawapan.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berusaha untuk mengelak masalah yang sama berulang dengan mengambil langkah seperti berikut :

1. Memastikan pematuhan terhadap prosedur kesediaan peralatan ICT di sekolah oleh semua peringkat KPM;
2. memastikan panduan dan arahan yang lebih terperinci diberikan kepada murid dalam tatacara menjawab soalan ujian menggunakan mod komputer; dan

3. memastikan panduan yang jelas daripada pihak OECD diperoleh supaya setiap prosedur yang dilaksanakan menepati standard teknikal yang telah ditetapkan.

RJM09

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN

TARIKH : 7.3.2017

SOALAN : NO.73

Dato' Haji Mohd Zaim Bin Abu Hasan [Parit] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan laluan kenaikan pensyarah di politeknik dalam usaha meningkatkan pencapaian akademik pelajar sejajar dengan hasrat PPPM (PT) untuk menjadikan politeknik sebagai badan berkanun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pensyarah di Politeknik diletakkan di bawah Skim Perkhidmatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (Skim DH). Mereka berpeluang untuk dinaikkan pangkat sehingga ke Gred DH 54 tanpa perlu kekosongan jawatan. Walau bagaimanapun, peluang kenaikan pangkat ini adalah berdasarkan kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan Skim DH.

Dalam usaha melatih serta meningkatkan kemajuan kerjaya pensyarah, para pensyarah di Politeknik telah dibahagikan kepada lima bidang pengkhususan dengan memfokuskan kepada perkara berikut:

- (a) Pengurusan program pengajian;
- (b) Pengurusan pelajar;
- (c) Penyelidikan dan inovasi;

- (d) Jaringan dan kolaborasi; dan
- (e) Pengurusan dan pentadbiran pendidikan.

Selain daripada itu, pelbagai inisiatif memperkasakan kerjaya pensyarah Politeknik dilaksanakan termasuk memberikan pendedahan kepada teknologi dan ekosistem industri. Ini bertujuan untuk memastikan para pensyarah Politeknik berkemampuan melaksanakan sistem pembelajaran yang dipacu oleh perkembangan industri.

Dalam masa yang sama, pihak Kementerian merancang untuk meningkat nisbah pensyarah “practitioner” pada kadar 50 peratus, bagi memastikan kualiti dan kebolehpasaran graduan Politeknik terus dipertingkatkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : 7 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN : 74

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapakah caj penukaran hak milik motosikal di Sabah masih mahal iaitu RM40 berbanding hanya RM3 di Semenanjung Malaysia. Ini memang tidak adil kepada rakyat Sabah. Malah rakyat Sarawak juga dikenakan RM5 untuk pindah milik motosikal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengangkutan mengambil maklum akan perbezaan kadar fi tukar milik motorsikal di antara kadar di Semenanjung dengan kadar yang ditetapkan di Sabah dan Sarawak. Semasa penyatuan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Semenanjung dengan JPJ Sabah dan Sarawak pada tahun 1984 melalui perluasan pemakaian Ordinan Lalulintas Jalan 1958, pendekatan telah diambil untuk terus mengguna pakai Undang-undang Pengangkutan Jalan Negeri yang sedang dikuatkuasakan di Sabah dan Sarawak. Oleh itu, berlaku perbezaan kadar bagi perkhidmatan JPJ di antara Semenanjung, Sabah dan juga Sarawak.

Kementerian Pengangkutan melalui JPJ pada masa kini sedang menyemak semula kadar-kadar fi yang melibatkan urusniaga/transaksi dengan JPJ termasuklah fi tukar milik supaya ianya lebih bersesuaian dengan keadaan semasa. Hasil semakan ini akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan sewajarnya.